

# Makan Malam Bersama Industri di PWTC



**20 April 2007**

Faktor utama 90 peratus graduan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diterima di sektor industri multinasional di negara ini adalah disebabkan ianya yang bersifat mesra industri.

Perkara itu disuarakan sendiri Pengarah Urusan merangkap Ketua Eksekutif Syarikat Aeronautic Technologies (M) Sdn Bhd, Y. Bhg.

Dato Haji Ahmad Sabirin Arshad pada ucapan aluan Majlis Makan Malam Bersama Industri yang di adakan di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, 20 April 2007 lalu.

Pada majlis itu juga Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato` Dr. Kamarudin Husin dalam ucapannya berharap, UniMAP akan dapat melahirkan lebih ramai jurutera baru yang mempunyai teori dan kemahiran. "Objektif kita adalah untuk mengeluarkan graduan yang berkualiti yang mampu memenuhi kehendak dan keperluan sesebuah industri, oleh itu kita memasukkan maklumat industri dalam kurikulum kita,"katanya.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Dato` Kamarudin berkata, melalui Pusat Kerjasama Industri (CIC) yang menganjurkan pelbagai program bersama industri, Pihak UniMAP menerima banyak maklum balas yang baik diberikan pihak industri mengenai kemahiran dan keyakinan yang ditunjukkan pelajar ketika melakukan latihan praktikal di syarikat mereka.

Pada majlis itu juga, seramai tujuh pensyarah dilantik sebagai Ketua Kluster UniMAP, mereka adalah Prof. Dr. Sazali Yaacob dilantik menjadi Ketua Kluster Acoustic Applications, Prof. Madya Dr. Mohd Rizon Mohd Juhari Ketua Kluster Autonomous System and Machine Design, Prof. Madya Dr R.Badlishah Ahmad (Embedded Computing), Prof. Madya Dr. Uda Hashim (Microelectronic and Nanotechnology), Prof. Dr. Mohd Noor Ahmad (Sensor Technology and Application), Prof. Dr. Mohd Nasir Zainal Ariff (Sustainable Engineering) dan Prof. Dr. Ismail Daut (Power Electronics and Machine Design).